



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO SERI PADUKA AWANG HAJI SUHAIMI BIN
HAJI GAFAR, MENTERI PEMBANGUNAN**

**MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT KERJA LAMA (PKL) BAGI PEGAWAI &
KAKITANGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-
JABATAN DIBAWAHLINYA BAGI TAHUN 1438H/2017M**

&

**MAJLIS RAMAH MESRA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
1439H/2018M**

Pada:

HARI SABTU 16 SYAWAL 1439H / 30 JUN 2018M

Bertempat;

DEWAN BETABUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

سَلَامٌ وَّشَكْرٌ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمَرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِي

Yang Mulia, Awang Mohamad Iskandar Bin Haji Idris

Pemangku Pengarah Pentadbiran & Kewangan, Kementerian Pembangunan
Dan

Yang Mulia, Awang Haji Shaharuddin Khairul Bin Haji Anuar

Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan

Selaku Penggerusi Bersama Majlis pada pagi ini.

Yang Mulia, Awang Haji Marzuke Bin Haji Mohsin,

Setiausaha Tetap (Teknikal Dan Profesional), Kementerian Pembangunan

Yang Mulia, Dr Dayang Nor Imtihan bte Hj Abd Razak, Pmk. Setiausaha
Tetap (Pentadbiran dan Kewangan)

Yang Mulia, Dayang Hajah Norhayati Binti Haji Yaakub,

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan

Yang Mulia, Dayang Alice Lim Sui Kau,

Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Mulia, Penceramah Undangan dari Pusat Dakwaah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ketua-Ketua Jabatan Dan Ketua-Ketua Divisyen, Pegawai-Pegawai Kanan Di
Kementerian Pembangunan Dan Jabatan-Jabatan Dibawahnya, Para
Penerima-Penerima Pingat Kerja Lama, Para Hadirin Dan Hadirat Yang
Dihormati Sekalian.

ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

1. Alhamdulillah, kita tambatkan rasa syukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurnia rahmatNya jua, telah mengizinkan kita semua bersama dan berhimpun di majlis yang penuh bermakna pada pagi ini, iaitu Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke 71 Bagi Tahun 2017 kepada pegawai-pegawai dan kaki tangan Kementerian Pembangunan dan di selajurkan dengan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri 1439H/2018M.
2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas penghormatan yang diberikan kepada saya selaku Tetamu Kehormat bagi penyempurnaan Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama pada pagi ini.
3. Ini adalah sebagai pengiktirafan dan tanda kenangan serta penghargaan pihak kerajaan kepada penerima-penerima Pingat diatas segala khidmat bakti yang dicurahkan dengan jujur dan amanah serta bagi mengenang jasa diatas segala sokongan dan bantuan yang telah abiskita sumbangkan kearah pencapaian, keberkesanan dan kecemerlangan perkhidmatan awam di negara ini.
4. Penerima-penerima pingat kerja lama ini adalah merupakan antara pekerja-pekerja terbilang dan mempunyai sifat-sifat yang baik dan keperibadian yang terpuji dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun di dalam perkhidmatan awam. Abiskita semua adalah merupakan golongan warga perkhidmatan awam yang mempunyai komitmen yang tinggi dan taat setia yang tidak berbelah bahagi Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda.

5. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua penerima-penerima Pingat Kerja Lama pada pagi ini. Saya berharap dengan pengurniaan ini akan dapat menyuntik dan membakar semangat para penerima semua dan menjadi satu insentif untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan abiskita, serta menjadi motivasi kepada seluruh warga Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya untuk terus memberi perkhidmatan dengan lebih amanah, cemerlang, berinovasi, dedikasi dalam sama-sama mendukung usaha dan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
6. Semoga segala sumbangan dan jasa abiskita akan mendapat ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga semua warga Kementerian Pembangunan akan terus dikurniakan taufik, hidayat, rahmat, nikmat, berkat dan rezeki dari Allah Subhanahu Wata'ala juga.

PARA HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

7. Majlis kita pada pagi ini juga akan diserikan dengan Majlis Ramah Mesra sempana Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini bagi Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan.
8. Majlis seperti ini merupakan satu wadah dan cara bagi kita memupuk sikap saling memahami dan bertolak ansur sesama kita. Aidilfitri memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Semangat muhibbah dan permuafakatan ini perlulah kitakekalkan kerana saya yakin, inilah yang menjadi tunjang kekuatan kita untuk terus kekal hidup aman dan makmur.

9. Didalam suasana kemeriahannya Aidilfitri ini, marilah kita sama-sama meraikannya dengan penuh rasa kesyukuran dan keikhlasan serta saling bermaaf-maafan, serta mengeratkan silaturrahim, dan mengekalkan perpaduan sesama kita, khususnya di kalangan warga Kementerian Pembangunan.
10. Keakraban dan keutuhan perpaduan ini lah yang kita perlukan sebagai salah satu asas untuk membentuk satu budaya kerja atau *building work culture* di Kementerian Pembangunan ini, kearah membina sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan lebih berkeupayaan untuk sama-sama berganding bahu, menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, bagi memberikan perkhidmatan kearah kehidupan yang lebih berkualiti, pembangunan yang lestari dan mampan, serta juga mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.
11. Semoga dengan adanya kekuatan ukhwah dan perpaduan ini; disertakan dengan niat yang suci lagi iklas semata-mata kerana Allah Subahana Wata'ala, InsyaAllah, kita akan dapat merealisasikan Rangka Dasar Kementerian Pembangunan 2018-2023 dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan yang baru kita lancarkan pada 7hb June 2018; untuk kita sentiasa bergerak maju dalam memenuhi kehendak Negara, terutama sekali bagi memenuhi *expectation* orang ramai dalam penyediaan infrastruktur dan pemberian perkhidmatan yang terbaik dimasa-masa yang mencabar ini.
12. Di kesempatan ini, saya dan keluarga, dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, maaf dzahir batin kepada semua warga Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan dibawahnya.

13. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan menerima amal kita semua dan semoga sepanjang tahun kita berada dalam kebaikan dan dalam perlindungan Allah jua. Amin Ya Rabbal Alamin.
14. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat diatas sumbangan tenaga dan buah fikiran, bagi sama-sama mengungkayah dan menjayakan majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama yang mana diselajurkan dengan Majlis ramah mesra sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya pada pagi ini. Saya berdoa semoga segala usaha dan penat lelah abiskita semua akan mendapat ganjaran pahala dari Allah Subhana Wata'ala jua.

Sekian

Wabillahi Taufeq Walhidayah

Wasalamu 'Alaikum Warahmatullahiwabarakatuh